



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana



SK TAMAN DESAMINIUM

KERTAS CADANGAN PELAKSANAAN AKTIVITI

TAJUK :

**MODUL BUKU GARIS TIGA WARNA (BUTIWA) &
LEMBARAN ABJAD BEREKOR
TAHUN 2026**

PENGURUSAN	KURIKULUM
UNIT	PANITIA BAHASA MELAYU

1. PENGENALAN / LATAR BELAKANG PROGRAM

a) Tujuan

Kertas Cadangan ini bertujuan memohon Tuan/Puan Guru Besar SK Taman Desaminium untuk menimbang dan bersetuju mengadakan:

1. Program/aktiviti : Modul Buku Garis Tiga Warna (BuTiWa)
2. Tarikh : 1 Julai - 1 Oktober 2026 (*1 penggal / 3 bulan*)
3. Hari : 2 hari seminggu, gabungan dalam waktu PdP (pull-out) dan luar waktu PdP (*rehat/ selepas sekolah*)
4. Tempat : Bilik darjah **1 Intelek & 1 Matriks**


b) Latar Belakang

Berdasarkan saringan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam e-RPM Panitia Bahasa Melayu Tahun 1, seramai 11 orang murid daripada kelas 1 Intelek dan 1 Matriks dikategorikan sebagai Tahap Penguasaan 2 (TP2) — tidak menguasai — bagi Standard Pembelajaran 3.1.1 (menulis secara mekanis) dan 3.2.1 (menulis perkataan, frasa, dan ayat bermakna). Tulisan mekanis merupakan kemahiran asas yang melibatkan koordinasi otot tangan dan jari, dan diberi tumpuan khusus pada peringkat awal persekolahan iaitu Tahap Satu sekolah rendah (Feder & Majnemer, 2007).

Kesukaran menulis tangan pada peringkat awal turut memberi kesan kepada keyakinan dan pencapaian akademik murid jika tidak ditangani awal (Feder & Majnemer, 2007). Kajian oleh Marr dan Cermak (2003) turut mendapati murid peringkat awal sekolah rendah sering menghadapi masalah ketekalan (consistency) dalam pembentukan huruf, terutamanya huruf yang memerlukan pergerakan motor tambahan seperti unsur ekor (descender) pada huruf g, j, y, dan q.

Punca-punca utama masalah ini dikenal pasti sebagai:

- Murid tidak memahami fungsi dua warna (merah/biru) pada buku garis tiga standard, menyebabkan kegagalan mengawal saiz dan kedudukan tulisan semasa menyalin perkataan mahupun ayat.
- Murid mempunyai masalah motor memori bagi menulis mekanis abjad kecil dan besar berekor (g, j, y, q), menyebabkan arah dan panjang ekor huruf tidak konsisten.



Lampiran 1 : Gambar menunjukkan hasil tulisan sebahagian sampel selepas tugas diberi dan perlu dilengkapkan.



Bagi menangani punca (i), aktiviti ini memperkenalkan Modul Buku Tiga Warna (BuTiWa), iaitu buku garis tiga warna berdasarkan metafora lampu isyarat (merah, kuning, hijau) yang mudah difahami kanak-kanak. Kaedah "lampu isyarat" bagi kesediaan menulis pada asalnya diperkenalkan oleh Shimoni (2008), dan didapati memberi peningkatan signifikan terhadap kualiti tulisan tangan kanak-kanak berbanding kumpulan yang tidak menerima intervensi tersebut (Lifshitz & Har-Zvi, 2014).

c) Fokus Standard Kandungan & Standard Pembelajaran

Aktiviti ini menggariskan fokus kepada Standard Kandungan 3.0 Kemahiran Menulis seperti berikut, khususnya SP 3.1.1 dan 3.2.1:

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Asas menulis	Murid boleh: 3.1.1 Menulis secara mekanis; (i) huruf (ii) suku kata

	(iii) perkataan (iv) frasa (v) ayat
3.2 Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna	3.2.1 Membina dan menulis; (i) perkataan (ii) frasa (iii) ayat

d) Objektif Program:

- Murid dapat menulis secara mekanis perkataan dan ayat mengikut kawalan garisan dengan betul (SP 3.1.1).
- Murid dapat menulis perkataan dan ayat bermakna dengan kawalan saiz huruf yang betul (SP 3.2.1).
- Murid dapat menguasai teknik penulisan abjad kecil dan besar berekor (g, j, y, q) dengan kawalan motor tangan yang betul.

e) KPI (Indikator Outcome)

Impak/Kesan : Semua 11 orang murid sasaran (100%) mencapai sekurang-kurangnya Tahap Penguasaan 3 (TP3) bagi SP 3.1.1 dan 3.2.1 dalam tempoh 1 penggal (3 bulan).

2. KUMPULAN SASARAN

BIL	NAMA MURID	KELAS	TP
1	ADAM ARYAN BIN AMIR HAMZAH	1 MATRIKS	2
2	AFEEF RAYYAN BIN AZMIE	1 MATRIKS	2
3	MUHAMMAD ADAM RAYYAN BIN ABDUL MAJID	1 MATRIKS	2
4	MUHAMMAD RIZQI MIKAIL BIN ABDUL RAZZAQ	1 MATRIKS	2
5	QASEH SABREENA BINTI SHAFIQ	1 MATRIKS	2
6	UNNA MIKAYLA BINTI AKMA SHAHRIZAL	1 MATRIKS	2
7	LAIRA ILSA ARIANA BINTI MIRZA HAFIFI	1 INTELEK	2
8	MUHAMMAD AARYAN FAIQ BIN AHMAD FUAD	1 INTELEK	2
9	MUHAMMAD AIDAN NUH BIN SHUHAIMI	1 INTELEK	2
10	NOAH LUTHFI BIN LUQMAN HAKIM	1 INTELEK	2
11	PUTERA FIRAS NAQIB BIN MOHD FAIEZHAL	1 INTELEK	2

3. BUTIRAN PELAKSANAAN PROGRAM

a) Tentatif Program

TARIKH	MASA	AKTIVITI
MINGGU 1-4 (FASA 1)	Dalam PdP (pull-out 15-20 minit) Luar PdP (rehat/ selepas sekolah)	<u>Standard Pembelajaran</u> 3.1.1 Menulis secara mekanis: (i) huruf, (ii) suku kata, (iii) perkataan, mengikut kawalan garisan tiga warna (merah, kuning, hijau). 1. Perkenalkan konsep lampu isyarat secara eksplisit sebelum aktiviti menulis bermula. 2. Murid menyalin huruf tunggal, kemudian suku kata dan perkataan pendek dalam had garisan tiga warna. 3. Mini-check penguasaan konsep warna pada penghujung minggu ke-4.
MINGGU 5-8 (FASA 2)	Dalam PdP (pull-out 15-20 minit) Luar PdP (rehat/ selepas sekolah)	<u>Standard Pembelajaran</u> 3.1.1 Menulis secara mekanis: (iv) frasa, (v) ayat, menggunakan Lembaran Latihan Abjad Berekor (g, j, y, q). 1. Perkenalkan Lembaran Latihan Abjad Berekor bermula dengan huruf g dan j, diikuti y dan q. 2. Gabungkan lembaran abjad berekor dengan buku garis tiga warna semasa menyalin ayat pendek. 3. Mini-check penguasaan bentuk huruf berekor pada penghujung minggu ke-8.
MINGGU 9-12 (FASA 3)	Dalam PdP (pull-out 15-20 minit) Luar PdP (rehat/ selepas sekolah)	<u>Standard Pembelajaran</u> 3.2.1 Membina dan menulis: (i) perkataan, (ii) frasa, (iii) ayat, secara berdikari berdasarkan gambar. 1. Murid menulis ayat mudah berdasarkan gambar dengan bimbingan yang dikurangkan secara berperingkat. 2. Pengukuhan akhir dan persediaan pentaksiran semula bagi SP 3.1.1 dan 3.2.1.

b) Pelan Kontigensi

Murid tidak hadir sesi dalam-PdP disusuli pada sesi luar-PdP (rehat/ selepas sekolah). Murid masih tidak faham konsep lampu isyarat selepas Minggu 2 dibimbing menggunakan kaedah "guided hand" (bimbing tangan terus semasa menulis) sebelum berdikari.

c) Kaedah Pemantauan Program / Aktiviti

Rekod perkembangan murid - Data Pemantauan Program (Google Sheet), disemak pada penghujung setiap fasa mengikut struktur e-RPM sedia ada.

4. BUTIRAN PELAKSANAAN PROGRAM JAWATANKUASA KERJA

Jawatankuasa induk :

Pengerusi	Pn Saudah binti Osman
Timbalan Pengerusi	En. Rosle bin Mohamad
Ketua Panitia Bahasa Melayu	En. Mohd Naseer bin Sapari
Penyelaras / Guru Pelaksana	En. Aiman Haziq bin Hamzah

5. IMPLIKASI KEWANGAN

Peruntukan kewangan bagi melaksanakan aktiviti ini : TIADA (bahan disediakan sendiri oleh guru).

6. ULASAN JPN / PPD

.....

.....

.....

7. PENUTUP

Kertas Cadangan untuk mengadakan Program Modul Buku Garis Lampu Isyarat & Lembaran Abjad Berekor ini dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan.

Disediakan oleh:	Disemak oleh:
.....	
AIMAN HAZIQ BIN HAMZAH Guru Bahasa Melayu SK Taman Desaminium Tarikh :	Tarikh :

KEPUTUSAN PENGURUS SEKOLAH

☐ Meluluskan Kertas Cadangan Pelaksanaan Aktiviti ini

Atau

☐ Tidak meluluskan Kertas Cadangan Pelaksanaan Aktiviti ini

Ulasan

.....

.....

.....

.....

(PUAN SAUDAH BINTI OSMAN)

GURU BESAR
SK TAMAN DESAMINIUM
TARIKH :

RUJUKAN

- Feder, K., & Majnemer, A. (2007). Handwriting development, competency, and intervention. *Developmental Medicine & Child Neurology*, 49(4), 312–317. <https://doi.org/10.1111/j.1469-8749.2007.00312.x>
- Lifshitz, N., & Har-Zvi, S. (2014). A comparison between students who receive and who do not receive a writing readiness intervention on handwriting quality, speed and positive reactions. *Early Childhood Education Journal*, 43(1), 47–55. <https://doi.org/10.1007/s10643-013-0629-y>
- Marr, D., & Cermak, S. (2003). Consistency of handwriting in early elementary students. *American Journal of Occupational Therapy*, 57(2), 161–167. <https://doi.org/10.5014/ajot.57.2.161>
- Shimoni, T. (2008). *Ha'Ramzor – Choveret muchanut le'ktiva be'shit adidactit chadshanit* [The traffic light: A booklet for writing readiness through an innovative didactic approach]. Bonus. (Seperti dipetik dalam Lifshitz & Har-Zvi, 2014).